

# Falsafah dan Kebudayaan

## Hasil Sastera Kembang Bersama-sama Pertumbuhan Jasmani

(Oleh Matlub)

Meninjau kembali ke zaman kecil dan pulang semula ke kampung-kampung tempat nenek moyang kita orang Melayu hidup dengan semangat persatuannya, tidaklah bererti kita kembali menjadi anak kecil dan pulang ke zaman purba. Kita sangat perlu mengkaji jika dapat, meninjau jika tidak. Segala yang telah diciptakan oleh nenek moyang kita zaman-berzaman itu.

Setelah lahir lah seseorang anak yang membawa sifat-sifat semula jadinya itu ke dunia, maka terpenuhlah rasa kegembiraan ibu bapa yang mendapatnya, anak itu sentiasa dijagai dengan penuh kesangsian takut kalau-kalau bencana menimpa. Sebab itu pantang larang setelah anak itu dilahirkan mahulah diingat jangan sampai terlanggar – terutama oleh ibu bapa dan ahli-ahli rumah itu. Semasa ini belumlah timbul sesuatu rupa sastera yang dapat diberikan kepada anak kecil itu selain daripada menyukannya.

Semakin hari anak itu bertambah besar anggotanya dan bertambah pula pengertiannya bagi memahami segala gerak-geri dan penuturan ibu bapa dan lain-lainnya yang dapat dilihatnya. Oleh memandangkan hal anak yang montel dan manis inilah ibu, bapa dan saudara-saudaranya sangat suka menimang-nimang akan dia, hingga anak kecil itu

sendiri merasa puas dengan tertawa-tertawa kulum kerana belum bergigi lagi.

Waktu menimang-nimang ini biasanya ibu itu akan menggayakan dengan suatu rentakan pantun yang mengandungi unsur-unsur kebudayaan Melayu :

**“Mang dabuk-dabuk,**

**Naik panggah labu;**

**Mana tak kacak elok,**

**Belum pakai kain baju.”**

Berkali-kali diulanginya ungkapan ini, bahkan didengar oleh anak itu setiap hari manakala dia ditimang. Mengapakah senikata yang serupa ini dilahirkan untuk anak kecil? Tidaklah dapat dipastikan maksud yang lainnya. Melainkan dapatlah dikatakan, bahawa senikata itu adalah menggambarkan satu dari hasil-hasil kebudayaan dan falsafah bangsa Melayu: Dalam pembayangannya ternyata hasil tani usaha sendiri, dan dalam maksud kata pantun itu pula tersimpul bagaimanakah sifat yang “kacak elok” itu? Selagi belum berpakaian sempurna (berilmu pengetahuan), maka belumlah manusia itu dikatakan “kacak dan elok” lagi.

Demikian juga harapan ibu bapa dalam masa

menimang-nimang anaknya yang sangat disayanginya itu, katanya :

**“Timang, tinggi-tinggi**

**Sampai cucur atap;**

**Belum tumbuh gigi**

**Dah pandai baca kitab.”**

Bagi melatih anak itu menggerak-gerakkan anggotanya sedikit demi sedikit, maka ketika itu diberikannya pula suatu susunan bahasa yang indah. Disuruhnya anak itu menggamit-gamitkan tangannya supaya mahir dan pantas memegang benda-benda dan juga bagi membiasakan anak itu menggerak-gerakkan sendiri jari-jarinya, katanya:

**“Kok – ke makamah,**

**Tanam cekur, gali kunyit.”**

Hal ini bukan sahaja memperdengarkan susunan bahasa yang indah, bahkan memberikan pengertian kepada naluri mahu tau anak-anak itu perbuatan tanam dan gali – serta nama cekur dan kunyit.

Untuk melatih pergerakan urat-urat di leher dan sendi-sendi di bahagian atas, anak itu diajarkan menggeleng-geleng kepala dari kiri ke kanan atau dari kanan ke kiri :

**“Ling-ling sapi;**

**Bunga kuncup balik telinga.”**

Nyatalah yang anak itu disuruh mencari kuntuman bunga kuncup yang katanya ada di balik telinga, sambil suruh memahamkan betul-betul di mana letaknya telinga yang boleh mendengar itu.

Menggerakkan kaki dan tangan juga sangat mustahak dibuat oleh anak-anak pada masa kecilnya dengan bersungguh-sungguh. Sebab itu anak itu dinyanyikan dengan:

**“Lenggang-lenggang kangkung.”**

Ini menggambarkan alam untuk anak kecil itu.

Betulkah kangkung terlenggang-lenggang seperti tangan anak itu ditiup angin di perbatasan sawah?

Demikian pula:

**“Hentak sebelah nak.....”**

Dengan anak itu menghentakkan kakinya berulang-ulang kali ke atas lantai, semakin disuruh semakin banyak kali diulangnya. Latihan ini akan memberikan pertolongan kepada pergerakan berjalan nanti.

Dari keterangan tersebut dapatlah kita memerhatikan bagaimana “hasil sastra itu berkembang bersama-sama dengan pertumbuhan jasmani anak bangsa Melayu.” dipupukkan kepada anak kecil yang baharu lahir itu.



*Murid-murid dari Sekolah Arab Permatang Janggus*

*Seberang Perai bergambar untuk kenangan. Duduk: Ramli Yahya (Kedah) berdiri dari kiri: Safwan (Selangor), Abdul Rahman Muhammad Isa (Seberang Perai) dan Masnun Mokhtar (Selangor).*

Anak kecil itu dengan sendirinya dapat memahamkan kata-kata tadi.

Maka hiduplah anak itu menurut asuhan ibu

**“Oh bulan, mana bintang?**

**Atas pucuk kayu ara,**

**Oh tuan mana hilang?**

**Dalam dapur atas para!”**

Demikianlah dibuat setiap malam hinggalah tidak kelihatan bulan terang lagi.

Dalam musim buah-buahan waktu petang hari, keluang yang memakan buah-buahan sangat banyak berterbangan kerana setiap kampung orang Melayu tidaklah ketinggalan sebatang pokok durian atau rambutan atau manggis berselang-selang di dalam berjenis-jenis tanamannya. Waktu itu ibu sedang sibuk memasak di dapur, bapa sedang sibuk mereban ayam itik – anak kecil telah diajarkan menyanyi sebuah pantun :

**“Keluang keluit,**

**Bertanak tembikar;**

**Balik dari bukit,**

**Terkincit atas tikar.”**

Berkejaranlah anak kecil itu dari tingkap ke tingkap menyebabkan pantun itu mengejek keluang-keluang yang berkeliaran itu, tidaklah disangsikan anak kecil itu berlari-lari bagi melatih betisnya kencang.

Jikalau waktu rehat, kelihatan burung belatuk mematuk-matuk ke batang-batang kayu lapuk – tidaklah ketinggalan anak itu diajarkan berpantun, sambil bertepuk-tepuk tangan :

**“Burung belatuk,**

**Kepala merah;**

**Tabik datuk,**

**Jangan marah!”**

Hingga tibalah masanya anak itu berjalan keluar rumah meninggalkan ibunya berkawan dengan kawan-kawan yang sebaya umur dengannya. Masing-masing anak kecil itu sudah dibajai dengan perasaan gemarkan keindahan alam dan keindahan bertutur. Dari kumpulan anak-anak ini selalulah kita dapati mereka menyanyi-nyanyi sambil melakukan nyanyian yang mereka buat itu :

**Cai kecucai,**

**Kecuci nangka condong;**

**Siapa duduk berjuntai,**

**Disambar buaya, kudung.”**

Anak yang terkena bilangan akhir dari rangkaian tersebut (kudung), terpaksa menarik dan melipatkan kakinya menandakan sudah kudung disambar buaya. Demikianlah dilakukan hingga semua anak-anak yang bermain itu terkudung kakinya. Tinggallah seorang. Itulah yang menang. Gerak ini adalah merupakan suatu latihan memanjang dan memendekkan urat-urat kaki dan membetulkan gerak-gerak sendi lutut, sebagaimana latihan dalam “lompat pagar” dan “lompat tinggi”.

Ada pula suatu hasil sastera yang terbit bersama-sama dengan suatu pergerakan membaiki urat-urat tangan :

**“Punggur, Pak punggur,**

**Pak punggur kayu ara;**

**Datang Pak selungkur,**

**Bawa tebu bakar.”**

**.....besi.....lempung!?”**

Anak yang mengaku besi, tangannya dikuncikan pada badannya dengan berpeluk tubuh sekuat-kuatnya. Si pembilang iaitu seorang anak yang terbesar dari yang lain-lain, dialah menjadi kepalanya – cuba membuka tangan anak yang mengaku

seperti “besi” itu dengan sedapat-dapatnya hingga “bergoya-goya”<sup>1</sup> kerana bertahan. Kepala pembilang itulah sebagai “Pak selungkur” yang hendak memecahkan ((punggur kayu akar)) dengan ((dua kerat tebu bakarnya)). Sehingga pelukan tangan itu dapat dibukakan.

Demikian pula suatu lakonan lagi :

**“Pok alung-alung,  
Ke titi nyang-nyang;  
Tepuk ke balung,  
Pecah telur sebiji pong!”**

Dari tangan yang digenggam bersusun-susun tadi, satu demi satu terbuka tatkala tiba perkataan “pong” – hingga semuanya pecah dan terbuka.

**“Nek – nek,  
Mari ke bukit!  
Apa buat di bukit?  
Jolok sarang merbah.  
Nek – nek,  
Rumah kita jangan diusik;  
Rumah kita nak roboh,  
Nyut - nyut – rom!”**

Maka tangan terbuka yang tersusun itu pun bercerai-cerailah sebagai kepingan rumah yang roboh (rebah).

Sambil bertepuk-tepuk tangan juga selalu anak-anak itu menyanyikan sebuah susunan kata bersifat seloka :

**“Pok amai-amai, puteri mandi,  
Ayam jantan berjambul emas,  
Kerbau berlaga tanah lengkung,  
Patah tanduk, sula nibung,  
Cik leleh deram-derum,  
Pecah pelir lentam-lentum.”**

Bertambah luas pergaulan anak itu semakin hiduplah perasaan-perasaan semula jadinya – di tempat-tempat kayu tergalang, boleh berhenjut-henjut; maka menyanyilah anak-anak itu dengan gembiranya :

**“Henjut-henjut siput,  
Air pasang dalam;  
Kulup hendak ikut,  
Hari dah jauh malam.”**

Pendeknya setiap gerak yang dilakukan oleh anak-anak bangsa kita dari semenjak kecilnya adalah kembang bersama-sama dengan bahan sastra bangsa yang menggambarkan kebudayaan bangsa Melayu.



#### BUKU2 RUMI

*Pendidikan	...	...	...	\$1.20
*Akhlaq	...	...	...	1.20
*Surat Menyurat	...	...	...	1.50
*Jalan ka-Kota Baharu	...	...	...	1.50
Penglipor	...	...	...	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil	...	...	...	0.70
Balek Dari Medan Perjuangan	...	...	...	1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	...	...	...	2.00
Keris Sempena Riau	...	...	...	1.00
Tinjauan Sastra Tanah Ayer	...	...	...	1.50
Sisa Neraka Dunia	...	...	...	1.00

Buku A.BC. (buku bacaan) di-dalam-nya tiga warna (sedang di-chitak).

\*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.

QALAM

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

<sup>1</sup> Merujuk kepada bergoyah-goyah. Sinonim kepada bergoyang-goyang.